



## KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

15 JUN 2021

### MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

#### **PKPD 2 perkampungan di Bahagian Kuching, Sarawak**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) perkampungan dalam Bahagian Kuching, Sarawak iaitu:

- Kampung Goebilt
- Kampung Muara Tebas

Sebanyak 24 kes positif telah direkodkan di Kampung Goebilt hasil daripada 264 ujian saringan manakala di Kampung Muara Tebas, sebanyak 22 kes positif telah direkodkan selepas 50 individu disaring.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 17 Jun sehingga 30 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD 2 lokaliti di Kalabakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kalabakan, Sabah iaitu:

- Kampung Rancangan
- Kampung Kijang Merotai

KKM mendapati sebanyak 11 kes positif telah direkodkan di Kampung Rancangan hasil daripada 40 saringan manakala lapan (8) kes positif daripada 11 yang disaring dilaporkan di Kampung Kijang Merotai.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 17 Jun sehingga 30 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

## **PKPD 2 lokaliti di Tawau, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Tanjung Batu Tengah
- Taman Semarak Megah

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan melakukan 21 saringan di Kampung Tanjung Batu Tengah, 15 daripada dikesan positif COVID-19 manakala di Taman Semarak Megah, 16 kes positif direkodkan hasil saringan ke atas 19 individu di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 17 Jun sehingga 30 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

## **PKPD 2 lokaliti di Kota Kinabalu**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Rampayan
- Kampung Kionsom Kecil

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan melakukan 21 saringan di Kampung Rampayan, 10 daripada dikesan positif COVID-19 manakala di Kampung Kionsom Kecil, 13 kes positif direkodkan hasil saringan ke atas 36 individu di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 17 Jun sehingga 30 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

### **PKPD Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 10 saringan telah dilakukan dan daripada jumlah itu, lapan (8) daripadanya dikesan positif COVID-19.

KKM juga mendapati kes telah mula menular dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Taun Gusi Peninting, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 17 Jun sehingga 30 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD di PPR Taman Ehsan, Kudat, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Ehsan, Kudat, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 41 saringan telah dilakukan dan daripada jumlah itu, lapan (8) daripadanya dikesan positif COVID-19.

KKM juga mendapati kes telah mula menular dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPR Taman Ehsan, Kudat, Sabah berkuat kuasa 17 Jun sehingga 30 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

### **Pelanjutan PKPD Kampung Simpangan, Tuaran, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Simpangan, Tuaran, Sabah yang dijadualkan tamat pada 16 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 438 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk serta kes baharu juga telah direkodkan di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Simpangan, Tuaran, Sabah bermula 17 Jun 2021 sehingga 30 Jun 2021.

### **Penamatan PKPD 3 lokaliti di Kota Belud, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 16 Jun 2021.

Ketiga-tiga lokaliti tersebut ialah:

- Taman Nikmat
- Kampung Pirasan
- Kampung Dundau

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 240 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di ketiga-tiga lokaliti dinyatakan pada 16 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Lorong Taman Utama 5,6,7 & 8, Taman Utama, Sandakan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong Taman Utama 5,6,7 & 8, Taman Utama, Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 129 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Lorong Taman Utama 5,6,7 & 8, Taman Utama, Sandakan, Sabah pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kampung Sepagaya Hulu, Silam, Lahad Datu, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sepagaya Hulu, Silam, Lahad Datu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 17 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 28 ujian saringan dan 20 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sepagaya Hulu, Silam, Lahad Datu, Sabah pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kampung Sugud, Penampang, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sugud, Penampang, Sabah yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 185 ujian saringan dan 13 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sugud, Penampang, Sabah pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.



### **Penamatan PKPD Lorong Ulu Sibuga 5 & 9, Fasa 7 Taman Mawar, Sandakan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong Ulu Sibuga 5 & 9, Fasa 7 Taman Mawar, Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 171 ujian saringan dan 22 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Lorong Ulu Sibuga 5 & 9, Fasa 7 Taman Mawar, Sandakan, Sabah pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD 3 Perkampungan Batu 9 Lekir, Mukim Lekir, Manjung, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) Perkampungan Batu 9 Lekir, Mukim Lekir, Manjung, Perak yang dijadualkan tamat pada 19 Jun 2021.

Ketiga-tiga perkampungan terbabit ialah:

- Kampung Tanjung Kepah
- Kampung Batu 9
- Kampung Sungai Lombong

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 773 ujian saringan dan 51 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga perkampungan seperti dinyatakan pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD FELDA Tersang 1,2 & 3, Mukim Batu Talam, Raub, Pahang**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Tersang 1,2 & 3, Mukim Batu Talam, Raub, Pahang yang dijadualkan tamat pada 24 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,065 ujian saringan dan 19 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Tersang 1,2 & 3, Mukim Batu Talam, Raub, Pahang pada 15 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 95,205 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,541 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,313 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 854 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 819 individu dikompaun manakala 35 lagi individu direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (196)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (173)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (145)
- Tiada penjarakan fizikal (98)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (83)
- Membawa penumpang berlebihan (65)
- Aktiviti pusat hiburan (32)
- Premis gagal patuhi arahan (8)
- Lain-lain (54)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 14 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas dua (2) buah kenderaan darat serta dua (2) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 171 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui enam (6) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 973 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 919 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 123 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 62 zon merah, zon jingga (4) dan zon kuning (5).

Operasi sanitasi ini melibatkan 667 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 260 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 133 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 27,679 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 260 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 226,560 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,024 individu telah dikuarantin dan 215,842 orang dibenarkan pulang manakala 2,694 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 774 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (586), pemborong (157) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,742 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,718 premis mematuhi SOP manakala 24 lagi dikompaun.

## **Saringan Wajib Pekerja Warga Asing**

Semalam, seramai 74 warga asing telah menjalani ujian saringan dan seorang daripadanya disahkan positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 699,070 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,246 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,352 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,718 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**